

Notis Penting Bertarikh: 10 September 2026

Berwaspada Terhadap Tawaran Pembiayaan Tidak Sah

Kepada Pelanggan Yang Di Hormati,

Sila berwaspada terhadap panggilan, mesej atau e-mel yang menawarkan pembiayaan alternatif selepas permohonan Pembiayaan Peribadi anda ditolak.

CIMB Bank Berhad dan CIMB Islamic Bank Berhad tidak melantik atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menghubungi pelanggan bagi menawarkan pembiayaan alternatif susulan permohonan yang tidak berjaya. Kami juga tidak berkongsi maklumat berkaitan permohonan yang ditolak dengan pihak luar bagi tujuan tersebut.

Sekiranya anda menerima komunikasi sedemikian:

- Jangan berkongsi maklumat peribadi, maklumat perbankan atau kod TAC/OTP anda.
- Jangan membuat sebarang bayaran atau pemindahan dana.
- Jangan menganggap pihak tersebut mewakili CIMB walaupun mereka mendakwa sedemikian.
- Buat pengesahan secara terus dengan CIMB sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan.

Sekiranya anda menerima sebarang komunikasi mencurigakan yang mendakwa ia daripada CIMB, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di +603 6204 7788 atau kunjungi cawangan CIMB yang terdekat.

Sila sentiasa berwaspada dan lindungi maklumat peribadi serta perbankan anda.

Terima kasih.

Pihak Pengurusan

CIMB Bank Berhad dan CIMB Islamic Bank Berhad